



Terma dan Syarat Malaysian-German Chamber of Commerce and Industry ("MGCC")

Malaysian-German Chamber of Commerce and Industry ("MGCC") adalah komited untuk memastikan bahawa data peribadi SEMUA pihak yang berurusan dengan MGCC (selepas ini dirujuk sebagai "subjek data") dilindungi. Terma dan syarat ini menerangkan bagaimana MGCC memproses (yang bermaksud, antara lain, mengumpul, merekod, memegang atau menyimpan) data peribadi anda, tujuan kami memproses data peribadi anda, pihak-pihak ketiga yang MGCC boleh memindahkan data peribadi anda kepada, hak anda untuk meminta akses dan pembetulan kepada data peribadi anda, bagaimana anda boleh mengarahkan kami jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, aduan atau jika anda ingin menghadkan penggunaan data peribadi tersebut dan prosedur yang kami ada untuk melindungi privasi anda.

Versi Bahasa Inggeris terma dan syarat ini diberi keutamaan ke atas versi Bahasa Melayu sekiranya terdapat apa-apa percanggahan antara kedua-duanya. MGCC berhak untuk menyemak semula dan/atau meminda terma dan syarat ini pada bila-bila masa, versi terkini yang akan dipaparkan di laman web MGCC. Melainkan anda menghubungi MGCC berkenaan dengan yang sama (butir-butir menghubungi MGCC disediakan di perenggan 8 di bawah), anda akan dianggap telah menerima versi terkini terma dan syarat ini.

1. Pengumpulan data peribadi

MGCC mengutamakan integriti data peribadi dan sedia melindungi data peribadi pekerja, pelanggan, ahli, rakan kongsi, dan individu lain yang mempercayai MGCC dengan maklumat mereka.

Tujuan Terma dan Syarat MGCC adalah untuk memastikan pematuhan dengan undang-undang dan peraturan Malaysia, Jerman dan Eropah dalam bidang data peribadi dan perlindungan privasi, iaitu Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Bundesdatenschutzgesetz (BDSG) Jerman, dan Peraturan Perlindungan Data Umum EU (EU-GDPR). Polisi ini menerangkan bagaimana MGCC mengumpul, menggunakan, menyimpan, memindahkan dan menjamin Data Peribadi klien, ahli, rakan kongsi dan pekerja serta memberitahu tentang bagaimana MGCC melindungi hak mereka.

Dalam perjalanan urusan anda dengan MGCC, kami mungkin mengumpul dan/atau anda, wakil undang-undang anda atau suatu pihak ketiga mungkin telah memberikan data dan maklumat mengenai diri anda ("data peribadi") kepada MGCC. Data peribadi tersebut mungkin telah diberikan kepada MGCC melalui penggunaan anda terhadap perkhidmatan kami, permohonan anda untuk menjadi ahli MGCC atau untuk latihan di bawah MGCC, pendaftaran bagi mana-mana acara, seminar, ceramah, persidangan atau simposium yang dianjurkan oleh kami, penggunaan laman web MGCC oleh anda di <http://www.malaysia.ahk.de/en/> di mana *cookies* digunakan, dalam perjalanan urusan anda dengan kami sama ada sebagai pembekal, penyedia perkhidmatan untuk MGCC atau selainnya atau melalui apa-apa cara komunikasi lain antara anda dan MGCC. Pemrosesan data peribadi anda adalah perlu untuk kami memproses permohonan-permohonan anda yang termasuk tanpa had kepada VISA, pas pengajian, pas lawatan profesional, pas tanggungan; untuk menjadi pelatih dan/atau ahli MGCC; pendaftaran anda untuk acara-acara, seminar, ceramah, persidangan



atau simposium yang dianjurkan oleh kami atau mana-mana perkhidmatan atau aktiviti-aktiviti lain yang anda terlibat dengan kami; dan/atau untuk melaksanakan apa-apa kewajipan kontrak kami yang terutang kepada anda atau suatu pihak ketiga.

2. Sifat data peribadi

Data peribadi sebegini boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat mengenai nama, umur, nombor kad pengenalan, nombor passport, jantina, tarikh lahir, maklumat perhubungan, alamat e-mel, nombor telefon, kewarganegaraan, gambar, curriculum vitae, kelayakan akademik, latar belakang vokasional, bahasa, kontrak pekerjaan, sijil perkahwinan, slip gaji, jawatan dan nama syarikat (jika berkenaan).

Kami juga mungkin mengumpulkan data peribadi sensitif (jika berkenaan) termasuk tetapi tidak terhad kepada rekod perubatan anda, kepercayaan agama, pelakuan apa-apa kesalahan dan lain-lain (selepas ini data peribadi dan data peribadi sensitif secara kolektif dan berasingan hendaklah dirujuk sebagai "Data Peribadi") bergantung kepada sifat urusan anda dengan MGCC.

3. Kesan akibat daripada kegagalan memberi Data Peribadi anda

Kegagalan untuk membekalkan Data Peribadi sebegini atau jika Data Peribadi sebegini yang diberikan tidak memuaskan kepada MGCC akan menyebabkan kami tidak dapat memproses permohonan anda untuk yang berikut termasuk tanpa had kepada VISA, pas pengajian, paslawatan profesional, pas tanggungan; untuk menjadi pelatih dan/atau ahli MGCC; pendaftaran anda untuk acara-acara, seminar, ceramah, persidangan atau simposium yang dianjurkan oleh kami atau mana-mana perkhidmatan atau aktiviti-aktiviti lain yang anda terlibat dengan kami; dan/atau untuk melaksanakan apa-apa kewajipan kontrak kami yang terutang kepada anda atau suatu pihak ketiga.

4. Tujuan pengumpulan data

Data Peribadi yang anda berikan akan dikumpul, digunakan dan sebaliknya diproses oleh kami untuk tujuan-tujuan berikut:

Pelanggan, pemohon latihan, ahli MGCC atau penerima produk dan/atau perkhidmatan MGCC

- memproses permohonan anda untuk menjadi ahli MGCC;
- menubuhkan pangkalan data untuk kenalan untuk mencari rakan kongsi pengedaran dan pameran bergerak;
- untuk mengemas kini pangkalan data MGCC termasuk maklumat di laman webnya dan maklumat daripada Buku Panduan dan Direktori MGCC;
- memproses permohonan anda sebagai pelatih MGCC dan/atau menghantar permohonan anda kepada syarikat-syarikat latihan;
- untuk penyerahan imigresen, pengesahan dalam passport, pemprosesan permit kerja dan/atau mengisi borang permohonan untuk diserahkan kepada badan-badan kerajaan;
- pemasaran apa-apa perkhidmatan, produk, acara/fungsi/seminar yang ditawarkan oleh MGCC yang mungkin menarik minat anda;
- untuk menyusun penyertaan kehadiran acara-acara MGCC;



- untuk prosedur pengurusan hubungan pengguna atau pelanggan MGCC untuk memantau dan meningkatkan perkhidmatan kami dan menjalankan aktiviti pemasaran dan profil pelanggan berkaitan dengan perkhidmatan dan produk-produk kami yang berkaitan;
- untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan secara khusus dalam mana-mana perkhidmatan tertentu atau produk yang ditawarkan oleh kami;
- untuk penyimpanan rekod dalaman kami;
- untuk merangka kontrak;
- untuk mengemas kini pangkalan data invois MGCC, untuk mengutip bayaran daripada anda (jika berkenaan) dan/atau untuk tujuan pentadbiran;
- untuk berkongsi amalan terbaik atau penyelidikan trend;
- memenuhi mana-mana keperluan undang-undang atau peraturan yang berkaitan dengan peruntukan perkhidmatan dan produk kami dan untuk membuat pendedahan di bawah keperluan mana-mana undang-undang yang terpakai, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang, garis panduan, pekeliling, kod yang terpakai kepada kami;
- untuk tujuan yang berkaitan dengan mana-mana perkara di atas (termasuk tetapi tidak terhad kepada penyelidikan, ukuran dan analisis statistik).

Pembekal atau penyedia perkhidmatan kami

- memproses permohonan anda untuk menjadi pembekal atau penyedia perkhidmatan kami;
- untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan secara khusus dalam mana-mana perkhidmatan atau produk tertentu yang ditawarkan oleh kami;
- untuk penyimpanan rekod dalaman kami;
- memenuhi mana-mana keperluan undang-undang atau peraturan yang berkaitan dengan peruntukan perkhidmatan dan produk kami dan untuk membuat pendedahan di bawah keperluan mana-mana undang-undang yang terpakai, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang, garis panduan, pekeliling, kod yang terpakai kepada kami; untuk tujuan yang berkaitan dengan mana-mana di atas (termasuk tetapi tidak terhad kepada penyelidikan, ukuran dan analisis statistik).

5. Pendedahan

Data Peribadi dan maklumat yang diberikan kepada MGCC umumnya akan dirahsiakan tetapi anda dengan ini bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi anda oleh MGCC untuk tujuan yang dinyatakan dalam perenggan 4 di atas.. MGCC mungkin mendedahkan Data Peribadi yang telah anda diberikan kepada kelas pihak ketiga berikut:-

- mana-mana orang demi membolehkan kami memberikan perkhidmatan kami atau seperti yang dikehendaki di bawah undang-undang terpakai atau perintah mahkamah;
- mana-mana syarikat berkaitan MGCC, termasuk yang terletak di luar Malaysia dan/atau mereka yang ditubuhkan pada masa hadapan;
- rakan perniagaan dan sekutu dalam talian kami yang menyediakan perkhidmatan atau barangan yang berkaitan berhubung dengan perniagaan kami;
- sebagai tindak balas kepada badan-badan berwajib, agensi kerajaan, badan berkanun dan pengawal selia industri;
- juruaudit, perunding, akauntan, peguam atau penasihat kewangan atau professional lain, agensi pelaporan kredit kami;



- sub-kontraktor atau pembekal perkhidmatan atau produk pihak ketiga kami sebagaimana yang ditentukan sebagai perlu atau sesuai;

6. Perlindungan

Internet bukanlah perantara yang selamat. Kami tidak boleh menerima apa-apa tanggungjawab bagi sebarang akses tanpa kebenaran atau kehilangan Data Peribadi anda, melainkan selaras dengan Terma dan Syarat ini.

Kami mempunyai pelbagai prosedur keselamatan, peraturan dan langkah-langkah teknikal untuk melindungi Data Peribadi anda dari apa-apa kehilangan, salah guna, ubah suai, akses tanpa kebenaran atau tidak sengaja atau pendedahan, pengubahan atau pemusnahan. Semua pekerja dan pemproses data kami, yang mempunyai akses dan dikaitkan dengan pemrosesan data peribadi, mempunyai tanggungjawab untuk menghormati kerahsiaan Data Peribadi anda.

Walaupun kami tidak dapat menjamin bahawa kehilangan, penyalahgunaan atau perubahan data tidak akan berlaku, kami membuat usaha yang munasabah untuk mengelakkan kejadian yang tidak diinginkan sebegini. Data Peribadi yang kami kumpul daripada anda akan disimpan dan disandar dengan selamat ('backed up securely') di lokasi yang terhad dan dikawal.

7. Pemindahan & Perkongsian Data

Jika kami menganggap sebagai perlu atau sesuai untuk tujuan penyimpanan atau pemrosesan data atau menyediakan apa-apa perkhidmatan atau produk kepada anda, kami boleh memindahkan Data Peribadi anda kepada ejen, sekutu atau pembekal perkhidmatan atau produk pihak ketiga MGCC dalam atau di luar Malaysia.

Sekiranya data dipindahkan ke lokasi penyimpanan di luar Malaysia, MGCC mengambil semua langkah yang sesuai untuk memastikan data disimpan di bawah tahap perlindungan yang sama seperti di dalam Malaysia.

8. Hak Anda untuk Akses dan Pembetulan

8.1. Anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada dan pembetulan Data Peribadi yang dipegang oleh kami dan dalam hal ini, anda boleh:

- memeriksa sama ada kami memegang atau menggunakan Data Peribadi anda dan meminta akses kepada data tersebut;
- meminta agar kami membetulkan mana-mana Data Peribadi anda yang tidak tepat, tidak lengkap atau tidak dikemaskini;
- meminta agar Data Peribadi anda dipegang oleh pihak kami hanya selama yang diperlukan untuk memenuhi tujuan ia dikumpul;
- meminta agar kami nyatakan atau jelaskan dasar dan prosedur kami berhubung dengan data dan jenis Data Peribadi yang dikendalikan oleh kami;
- menyampaikan kepada kami bantahan anda terhadap penggunaan Data Peribadi anda untuk tujuan pemasaran dengan itu kami tidak akan menggunakan Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan tersebut; dan
- mengeluarkan, keseluruhan atau sebahagiannya, kebenaran anda yang



Malaysian-German Chamber
of Commerce and Industry
Deutsch-Malaysische
Industrie- und Handelskammer

diberikan sebelum ini, dalam setiap hal tertakluk kepada sebarang sekatan undang-undang yang terpakai, syarat kontrak dan tempoh masa yang munasabah.

- 8.2. Orang yang kepadanya anda boleh mengemukakan permintaan untuk akses kepada Data Peribadi atau pembetulan dan/atau penghapusan Data Peribadi atau untuk maklumat mengenai dasar-dasar dan prosedur dan jenis Data Peribadi yang dikendalikan oleh kami adalah:

Pegawai Perlindungan Data

Alamat Emel : pdpa@malaysia.ahk.de

Telefon: +603 9235 1800

Faks: +603 9235 1930

Alamat: Lot 20-01, Level 20 Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng, No. 1 Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia.